

20/06/2002

Ucapan presiden dinanti penuh minat

KUALA LUMPUR, Rabu - Lebih 2,000 perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno menunggu dengan penuh minat apakah mesej yang akan disampaikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan dasarnya pada upacara perasmian esok.

Ramai percaya Presiden Umno itu akan sekali lagi menekankan soal kelemahan orang Melayu yang memerlukan anjakan paradigma tanpa ada kejutan besar. Ucapannya pada majlis taklimat Presiden petang semalam sekurang-kurangnya sudah memberi bayangan mengenai inti pati ucapan yang bakal disampaikan.

Dalam ucapan selama kira-kira 90 minit itu, Perdana Menteri antara lain dipetik sebagai memberi ingatan kepada bangsa Melayu supaya bersedia melengkapkan diri dengan kemampuan dan tidak lagi berselindung di sebalik hak keistimewaan semata-mata.

Selama ini, Dr Mahathir sudah menitikiskan air mata, berdoa, berjenaka dan menyindir ketika berucap pada beberapa perhimpunan lalu. Tetapi beliau kecewa, seperti diluuhkannya dalam satu temu ramah dengan sebuah akhbar tempatan baru-baru ini, sikap orang Melayu yang suka bergantung kepada bantuan, subsidi dan hak istimewa.

Apakah ucapannya kali ini lebih keras daripada biasa selepas kecewa melihat sikap orang Melayu? Mungkinkah ada kejutan atau pengumuman tertentu?

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata beliau tidak menjangka ucapan Dr Mahathir itu nanti ada satu kejutan.

"Ucapannya sudah boleh dijangka tetapi Perdana Menteri akan sekali lagi menekankan mengenai kelemahan orang Melayu. Malah, ucapannya selama ini lebih tertumpu kepada soal pembaharuan - secara konsisten," katanya.

"Soal ajakan paradigma ini termasuk hak istimewa dan isu pendidikan. Bangsa Melayu perlu bersedia untuk keluar daripada kepompong dan berani bersaing. Orang Melayu jangan takut kepada hak istimewa kerana ia memang termaktub dalam perlembagaan," katanya.

Katanya, penghalang utama kepada kemajuan orang Melayu ialah parti pembangkang Pas yang menggunakan agama.

"Agama adalah terlalu dekat dengan hati orang Melayu tetapi Pas lebih menekankan kepada 'Islamic spiritual' manakala Umno lebih kepada 'Islamic Civilisation'. Kita tak boleh memundurkan orang Melayu dan faktor ini juga mungkin disentuh dalam ucapan itu nanti.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, pula berkata ucapan dasar Presiden Umno itu mungkin lebih menjurus kepada persediaan diri orang Melayu bagi menghadapi era globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

Katanya, ini kerana orang Melayu tidak akan selamat selagi mereka 'berjalan menggunakan tongkat'.

"Dr Mahathir mahu melihat anak cucu kita selamat pada masa akan datang dalam menghadapi dunia tanpa sempadan. Apakah kita boleh bertahan jika tidak buat persiapan mulai sekarang?

Selain itu katanya, Dr Mahathir juga dijangka menyentuh isu bahasa iaitu penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

Walau apapun, ucapan dasar Presiden Umno itu pasti menarik perhatian bukan saja di kalangan orang Umno, malah rakyat negara ini melalui siaran langsung di televisyen.

(END)